

03/12/1999

Lupakan kekejaman silam: PM

LANGKAWI, Khamis - Rejim Keselamatan Baru Asia akan berjaya jika negara di rantau ini mengetepikan perlumbaan senjata dan melupakan kisah kekejaman perang silam.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Rejim Keselamatan Baru di rantau ini seharusnya disertai negara Asean, China, Jepun dan Korea Selatan seperti dicadangkan Malaysia menerusi gagasan Forum Ekonomi Asia Timur (EAEC).

Perdana Menteri berkata, Rejim Keselamatan Baru bukannya bertujuan menentang sebarang negara, sebaliknya menangani masalah lanun, rampasan pesawat atau sebarang kegiatan pelanggaran perundangan merentasi sempadan antarabangsa.

"Inilah tujuan Rejim Keselamatan Baru, bukannya negara Asia bersepakat mengumpul senjata untuk berperang dengan negara di Amerika Utara atau Eropah," katanya dalam sesi dialog di Persidangan Aeroangkasa Antarabangsa di sini, semalam.

Beliau berkata, kejayaan Rejim Keselamatan Baru itu seharusnya bermula dengan dialog antara "musuh tradisional" bagi melupakan kisah silam (seperti perang China-Jepun) dan menumpukan perhatian kepada kehidupan selesa bagi semua penduduk di Asia.

"Negara Asia perlu berhenti bercakap mengenai kisah kekejaman perang dan meminta mana-mana negara meminta maaf. Jika ini berterusan tidak mungkin kita dapat bekerjasama," katanya.

Rejim Keselamatan Baru Asia perlu memasukkan China untuknya menjadi kukuh tetapi negara itu tidak begitu berminat mengadakan hubungan pelbagai hala dengan negara lain kerana pandangan negatif sesetengah negara Asia kepada negara komunis itu.

Dr Mahathir berkata, jika negara Asia tidak boleh percayakan China, perlumbaan senjata akan terus berlaku kerana masing-masing akan mengumpul senjata untuk bersedia menentang sesama sendiri.

"Bila keadaan ini berlaku, peruntukan untuk senjata akan terus meningkat dan mengetepikan peruntukan untuk pembangunan bagi mewujudkan kehidupan yang selesa bagi penduduk Asia," katanya.

Beliau berkata, negara Asia tidak perlu bekerjasama membeli senjata, sebaliknya bekerjasama menjaga keselamatan bersama seperti mewujudkan ruang udara yang selamat untuk semua pihak.

Mengenai perkongsian pintar, Dr Mahathir berkata, rancangan itu seharusnya menguntungkan kedua-dua pihak dan perlu mengetepikan soal pengambilan untung keterlaluan.

(END)